

12 JUN 1999

Cuepacs-Rumah

CUEPACS MINTA KEMPEN PEMILIKAN RUMAH UNTUK KAKITANGAN KERAJAAN

IPOH, 12 Jun (Bernama) -- Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja di dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) hari ini meminta kerajaan melancarkan kempen pemilikan rumah khusus untuk kakitangan awam terutamanya yang berpendapatan rendah.

Presiden Cuepacs N. Siva Subramaniam berkata untuk menjayakan kempen itu, kerajaan perlu menggalakkan pihak swasta membina lebih banyak rumah kos rendah bermutu tinggi di kawasan strategik manakala tempoh minimum perkhidmatan untuk membuat pinjaman dipendekkan daripada tiga tahun kepada setahun.

"Kita telah mengemukakan cadangan ini kepada kerajaan dan berharap ia mendapat perhatian sewajarnya," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat agung tiga tahun sekali Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) cawangan Perak, di sini.

Cuepacs juga akan menjalankan kajian lanjut mengenai sebab mengapa kakitangan awam kurang memiliki rumah sendiri terutamanya di kalangan 400,000 kakitangan berpendapatan rendah di seluruh negara.

"Kita juga ingin mendapatkan maklumat mengapa golongan bumiputera paling sedikit memiliki rumah walaupun pinjaman perumahan kerajaan hanya mengenakan faedah 4 peratus," katanya.

Siva berkata kajian awal Cuepacs mendapati kekurangan rumah berharga antara RM40,000 dan RM80,000 merupakan faktor utama mengapa kakitangan kerajaan tidak membeli rumah.

"Kita juga dapati ada kakitangan yang bimbang membeli rumah apabila mendapati rakan mereka terpaksa membayar pinjaman walaupun rumah mereka tidak disiapkan kerana projek perumahan itu terbengkalai," katanya.

Cuepacs juga meminta kerajaan menghentikan pemotongan 10 peratus elaun kakitangan kerajaan berijazah, yang dimulakan awal tahun lepas, kerana ekonomi negara kini mula menunjukkan pemulihan.

"Kita telah kemukakan permohonan ini kepada Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) dan yakin beliau akan menimbanginya sebaik mungkin," katanya.

Jabatan Perkhidmatan Awam mengambil langkah memotong antara RM14 dan RM606 elaun kakitangan kerajaan dalam kumpulan profesional dan pengurusan ke atas mulai Januari 1998 sebagai alternatif kepada pembekuan kenaikan gaji Kumpulan A dan B, yang tidak dipersetujui Cuepacs, sebagai langkah membantu kerajaan menghadapi kegawatan ekonomi.

-- BERNAMA

HJ NAK